

## 1.0 PENGENALAN

Seksyen 20B Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [*Akta 172*] memperuntukkan setiap jabatan atau agensi Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri untuk mendapatkan nasihat Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN) mengenai cadangan pemajuan yang berhubung dengan:

- i. penebusgunaan pinggir laut, tidak termasuk penebusgunaan bagi pembinaan jeti atau pemulihan pantai; dan
- ii. pembinaan infrastruktur utama negara termasuklah:
  - a) lapangan terbang, pelabuhan laut, pelabuhan darat, rangkaian pengangkutan kereta api, lebuhraya, stesen jana kuasa, empangan dan tapak pembuangan sisa toksik; dan
  - b) infrastruktur lain yang berkepentingan Negara sebagaimana ditentukan oleh MPFN.

Bagi maksud mendapatkan nasihat MPFN, setiap jabatan atau agensi Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri hendaklah mengemukakan cadangan pemajuan berkaitan berserta dengan suatu laporan penilaian impak sosial (SIA) dan laporan lain sebagaimana yang ditentukan oleh MPFN.

Di dalam konteks penebusgunaan pinggir laut, sebarang permohonan berkaitan pembangunan ini hendaklah diangkat untuk mendapatkan nasihat MPFN kerana ianya memberi

impak kepada rejim hidrologi, alam sekitar dan mungkin menyentuh perairan antarabangsa. Ia juga berkemungkinan memberi impak sosial terutamanya kepada penduduk di kawasan setempat dan komuniti nelayan yang berhampiran dengan kawasan pemajuan.

Selain itu, pembinaan infrastruktur utama negara yang memberi impak besar kepada pembangunan ekonomi negara dan implikasi kepada Negeri-negeri yang berkaitan, perlu mendapatkan nasihat MPFN terlebih dahulu supaya dapat diselaraskan di antara Negeri-negeri yang terlibat, terutamanya infrastruktur yang merentasi sempadan beberapa Negeri seperti rangkaian *high-speed rail* dan lebuh raya.

Memandangkan pembangunan infrastruktur ini berkepentingan negara dan boleh melibatkan lebih dari satu negeri, maka permohonan yang dicadangkan oleh Kementerian, Jabatan, Agensi dan Kerajaan Negeri hendaklah terlebih dahulu merujuk kepada MPFN untuk mendapat nasihat dan keputusan dasar.

## **2.0 TUJUAN**

Panduan Pelaksanaan Akta (PPA) 172 : Permohonan Cadangan Pemajuan Di Bawah Seksyen 20B ini bertujuan untuk memberi panduan kepada Kementerian, Kerajaan Negeri dan agensi mengenai proses dan prosedur untuk mendapatkan nasihat MPFN selaras dengan seksyen 20B Akta 172.

### 3.0 PERUNTUKAN AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA (PINDAAN) 2017 [AKTA A1522]

Akta Perancangan Bandar dan Desa (Pindaan) 2017 [Akta A1522] telah memasukkan peruntukan seksyen baharu iaitu seksyen 20B sebagaimana berikut:

*“20B. (1) Tanpa menjejaskan seksyen 20A, hendaklah menjadi kewajipan tiap-tiap jabatan atau agensi Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri untuk mendapatkan nasihat Majlis mengenai cadangan pemajuan yang berhubung dengan—*

- (a) apa-apa penebusgunaan pinggir laut tidak termasuk penebusgunaan bagi pembinaan jeti atau pemulihan pantai; dan*
- (b) apa-apa pembinaan infrastruktur utama negara termasuklah—*
  - (i) lapangan terbang, pelabuhan laut, pelabuhan darat, rangkaian pengangkutan kereta api, lebuh raya, stesen jana kuasa, empangan dan tapak pembuangan sisa toksik; dan*
  - (ii) infrastruktur lain yang berkepentingan Negara sebagaimana ditentukan oleh Majlis.*

*(2) Bagi maksud mendapatkan nasihat Majlis di bawah subseksyen (1), jabatan atau agensi Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri hendaklah mengemukakan cadangan pemajuan itu beserta dengan suatu laporan penilaian impak sosial dan laporan lain sebagaimana yang ditentukan oleh Majlis.”*

Dalam konteks peruntukan ini, impak sosial ditakrifkan sebagai 'kesan ke atas individu, keluarga atau sesuatu komuniti, akibat sesuatu pembangunan yang akan menjejaskan atau mengubah gaya dan kualiti hidup, hubungan dan kesejahteraan masyarakat.'

*(Sumber: Manual Penilaian Impak Sosial Bagi Projek Pembangunan 2012)*

#### **4.0 SKOP PEMAJUAN DI BAWAH SEKSYEN 20B AKTA 172**

Permohonan di bawah seksyen 20B Akta 172 yang perlu diangkat untuk mendapatkan nasihat MPFN dibahagikan kepada tiga (3) kategori iaitu:

- i. Penebusgunaan pinggir laut;
- ii. Pembinaan infrastruktur utama negara; dan
- iii. Infrastruktur lain yang ditetapkan oleh MPFN.

##### **4.1 Penebusgunaan Pinggir Laut**

Penebusgunaan pinggir laut ialah proses mewujudkan daratan dengan mengisi kawasan berair dengan bahan yang biasanya diperolehi dari kawasan luar pantai. Ini termasuklah penebusgunaan kawasan pantai atau penambakan pesisir pantai, penambakan laut di pesisir pantai serta penambakan laut bagi tujuan mewujudkan pulau buatan. Skop pemajuan di bawah kategori ini melibatkan kriteria permohonan seperti berikut:

- a) Penebusgunaan pinggir laut yang meliputi keluasan 50 hektar atau lebih;
- b) Tidak termasuk penebusgunaan untuk pembinaan jeti dan pemulihan pantai (oleh JPS); dan
- c) Permohonan adalah daripada PBN (UPEN) jika dalam jarak 3 batu nautika; dan daripada Agensi / Kementerian berkaitan atau mana-mana pihak yang dilantik jika dalam jarak 3 - 12 batu nautika (*territorial water*).

### **Gambar 1 : Aktiviti Penebusgunaan Pinggir Laut**



## **4.2 Pembinaan Infrastruktur Utama Negara**

Pembinaan infrastruktur utama negara melibatkan lapan (8) jenis permohonan iaitu:

- a) Lapangan Terbang;
- b) Pelabuhan Laut;
- c) Pelabuhan Darat;
- d) Rangkaian Kereta Api;
- e) Lebuhraya;
- f) Stesen Jana Kuasa;

- g) Empangan; dan
- h) Tapak Pembuangan Sisa Toksik.

### **Lapangan Terbang**

Skop pemajuan di bawah kategori lapangan terbang yang perlu dirujuk di bawah seksyen 20B Akta 172 adalah:

- a) Lapangan Terbang Antarabangsa, Lapangan Terbang Domestik dan Lapangan Terbang Tentera, (merangkumi penumpang dan kargo); dan
- b) Projek menaik taraf yang melibatkan perluasan kawasan melebihi 50% kawasan sedia ada, atau pembinaan landasan terbang baru, yang melibatkan pengambilan balik tanah.

Permohonan adalah daripada MOT, MINDEF, mana-mana agensi lain yang berkaitan atau mana-mana pihak yang dilantik.

**Gambar 2 : Lapangan Terbang**



### **Pelabuhan Laut**

Skop pemajuan di bawah kategori pelabuhan laut yang perlu dirujuk di bawah seksyen 20B Akta 172 adalah:

- a) Pelabuhan Nasional, Pelabuhan Wilayah, Pelabuhan Negeri yang terletak di sempadan negeri - merangkumi penumpang dan kargo, dan pangkalan tentera laut;
- b) Projek menaik taraf yang melibatkan perluasan kawasan melebihi 50% kawasan sedia ada; dan
- c) Tidak termasuk jeti penumpang/ nelayan/ Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) / Polis Marin.

Permohonan adalah daripada MOT, MINDEF, mana-mana agensi lain yang berkaitan atau mana-mana pihak yang dilantik.

**Gambar 3 : Pelabuhan Kargo**



### **Pelabuhan Darat**

Skop pemajuan di bawah kategori pelabuhan darat yang perlu dirujuk di bawah seksyen 20B Akta 172 termasuklah projek menaik taraf yang melibatkan perluasan kawasan melebihi 50% kawasan sedia ada.

Permohonan adalah daripada MOT, mana-mana agensi lain yang berkaitan atau mana-mana pihak yang dilantik.

**Gambar 4 : Pelabuhan Darat**



### **Rangkaian Pengangkutan Kereta Api**

Skop pemajuan di bawah kategori rangkaian pengangkutan kereta api yang perlu dirujuk di bawah seksyen 20B Akta 172 adalah:

- a) Landasan dan stesen kereta api termasuk kereta api penumpang dan barang, kereta api laju, kereta api antara bandar (KTM/ ETS/ Komuter/ ERL/ LRT/ MRT);
- b) Melibatkan landasan yang merentasi dua (2) negeri atau lebih; dan

- c) Projek menaik taraf yang melibatkan pembinaan landasan baru yang melibatkan pengambilan balik tanah.

Permohonan adalah daripada MOT, mana-mana agensi lain yang berkaitan atau mana-mana pihak yang dilantik.

### **Gambar 5 : Rangkaian Pengangkutan Kereta Api**



### **Rangkaian Lebuh Raya**

Skop pemajuan di bawah kategori rangkaian lebuh raya yang perlu dirujuk di bawah seksyen 20B Akta 172 adalah:

- a) Lebuh raya ekspres (*expressway*) dan Lebuh raya (*highway*);
- b) *Expressway* dan *highway* adalah sepertimana diklasifikasi oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM);
- c) Lebuh raya hendaklah merentasi dua (2) negeri (termasuk Wilayah Persekutuan) atau lebih ; dan

- d) Termasuk projek menaik taraf yang melibatkan pengambilan balik tanah.

Permohonan adalah daripada KKR, LLM, mana-mana agensi lain yang berkaitan atau mana-mana pihak yang dilantik.

**Gambar 6 : Rangkaian Lebuhraya**



### **Stesen Jana kuasa**

Skop pemajuan di bawah kategori stesen jana kuasa yang perlu dirujuk di bawah seksyen 20B Akta 172 adalah:

- a) Loji janakuasa (termasuk solar / *wind farm*), dan stesen janakuasa, yang membekalkan kuasa kepada dua (2) negeri atau lebih;
- b) Semua loji dan stesen janakuasa nuklear; dan
- c) Projek menaik taraf yang melibatkan pengambilan balik tanah.

Permohonan adalah daripada KeTTHA, TNB, agensi nuklear, mana-mana agensi lain yang berkaitan atau mana-mana pihak yang dilantik.

**Gambar 7 : Loji Jana Kuasa**



### **Empangan**

Skop pemajuan di bawah kategori empangan yang perlu dirujuk di bawah seksyen 20B Akta 172 adalah:

- a) Empangan bekalan air, empangan hidroelektrik, yang melibatkan pembinaan empangan atau kolam takungan air dengan kawasan pembukaan seluas 100 hektar atau lebih; dan
- b) Projek menaik taraf empangan yang melibatkan perluasan kawasan melebihi 50% kawasan sedia ada yang melibatkan pengambilan balik tanah.

Permohonan adalah daripada JBA, TNB, KeTTHA, mana-mana agensi lain yang berkaitan atau mana-mana pihak yang dilantik

### **Gambar 8 : Empangan**



### **Tapak Pembuangan Sisa Toksik**

Skop pemajuan di bawah kategori tapak pembuangan sisa toksik yang perlu dirujuk di bawah seksyen 20B Akta 172 termasuklah projek menaik taraf yang melibatkan perluasan kawasan melebihi 50% kawasan sedia ada yang melibatkan pengambilan balik tanah.

Permohonan adalah daripada NRE, mana-mana agensi lain yang berkaitan atau mana-mana pihak yang dilantik.

### **Gambar 9 : Tapak Pembuangan Sisa Toksik**



### 4.3 Infrastruktur Lain Yang Ditentukan Oleh MPFN

Permohonan bagi kategori ini akan ditentukan oleh MPFN dari semasa ke semasa, dengan tumpuan kepada:

- a. Infrastruktur yang merentasi 2 negeri atau lebih; dan
- b. Infrastruktur yang melibatkan tadahan penduduk dua (2) negeri atau lebih.

Istilah “2 negeri” dalam bab 4.0 merujuk kepada semua Negeri-Negeri Persekutuan di Semenanjung Malaysia dan termasuk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya.

**Gambar 10 : Mesyuarat MPFN**



## **5.0 PROSEDUR PERMOHONAN DI BAWAH SEKSYEN 20B AKTA 172**


Prosedur permohonan di bawah seksyen 20B Akta 172 adalah berbeza mengikut permohonan daripada Kementerian/Agensi Persekutuan dan Kerajaan/Agensi Negeri. Perincian kepada prosedur permohonan adalah seperti berikut:

### **5.1 Permohonan Daripada Kementerian/Agensi Persekutuan**

Setiap projek yang dicadangkan oleh Kementerian akan dilaksanakan di negeri-negeri, oleh itu, cadangan projek tersebut perlu dimaklumkan terlebih dahulu kepada Kerajaan Negeri sebelum diangkat ke MPFN. Cadangan projek tersebut hendaklah juga disertakan dengan ringkasan projek, laporan SIA dan ulasan dasar daripada agensi teknikal berkaitan. Seterusnya, sebelum cadangan projek ini diangkat ke MPFN untuk mendapat nasihat, setiap Kementerian atau agensi Kerajaan Persekutuan perlu mendapat perakuan daripada dua (2) jawatankuasa iaitu Jawatankuasa Kawal Selia MPFN dan Jawatankuasa Kerja MPFN.

Selepas mendapat nasihat daripada MPFN, pihak pemohon hendaklah mengemukakan permohonan kepada PBN untuk dirundingkan di bawah seksyen 20A Akta 172 dan menentukan sama ada permohonan tersebut perlu mendapat kelulusan kebenaran merancang (KM) atau dikecualikan.

**Rajah 1 : Carta Alir Bagi Proses Permohonan Pembangunan Di Bawah Peruntukan Seksyen 20B Akta 172 Bagi Kementerian Atau Agensi Kerajaan Persekutuan.**




## 5.2 Permohonan Daripada Kerajaan Negeri

Setiap projek yang dicadangkan oleh Kerajaan Negeri atau Agensi di bawah Kerajaan Negeri yang perlu mendapat nasihat MPFN hendaklah mendapat persetujuan daripada PBN atau Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN) sebelum diangkat ke MPFN. Cadangan projek tersebut hendaklah juga disertakan dengan ringkasan projek, laporan SIA dan ulasan dasar daripada agensi teknikal berkaitan.

Seterusnya, sebelum cadangan projek ini diangkat ke MPFN untuk mendapat nasihat, setiap Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri perlu mendapat perakuan daripada dua (2) jawatankuasa iaitu Jawatankuasa Kawal Selia MPFN dan Jawatankuasa Kerja MPFN. Selepas mendapat nasihat daripada MPFN, pihak pemohon hendaklah mengemukakan permohonan kepada PBN atau JPN untuk dirundingkan di bawah seksyen 20A Akta 172 dan menentukan sama ada permohonan tersebut perlu mendapat kelulusan KM atau dikecualikan.

**Rajah 2 : Carta Alir Bagi Proses Permohonan Pembangunan Di Bawah Peruntukan Seksyen 20B Akta 172 Bagi Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri.**



## 6.0 SENARAI SEMAK PERMOHONAN DI BAWAH SEKSYEN 20B AKTA 172

Permohonan di bawah seksyen 20B Akta 172 perlu dikemukakan oleh pemohon beserta dengan dokumen-dokumen dan pelan kepada urus setia Mesyuarat Jawatankuasa Kawal Selia MPFN, PLANMalaysia (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa) seperti di dalam **Jadual 1**.

**Jadual 1 : Senarai Semak Dokumen Permohonan Di Bawah Seksyen 20B Akta 172.**

<b>SENARAI DOKUMEN YANG DIPERLUKAN</b>		<b>Bil.</b>
1.	Ringkasan projek	20
2.	Pelan konsep pembangunan (saiz A1)	5
3.	Laporan Penilaian Impak Sosial (SIA) dan surat kelulusan daripada PLANMalaysia (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa)	2
4.	Pelan kontur dan pelan analisis kecerunan	5
5.	Ulasan/cabutan keputusan: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) dan JPN (bagi permohonan dari Negeri); atau</li> <li>• Jawatankuasa Peringkat Persekutuan (bagi permohonan dari Kementerian /Agensi Persekutuan)</li> </ul>	2
6.	Ulasan dasar dari Jabatan Teknikal	2
7.	Kertas perakuan dari Kementerian/Agensi Kerajaan Persekutuan atau Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri	1
<b>DOKUMEN TAMBAHAN YANG DISERTAKAN (JIKA DIPERLUKAN)</b>		
8.	Maklumat foto udara/ imej satelit	1
9.	Lain-lain laporan (jika ada)	2

## **7.0 KANDUNGAN KERTAS PERAKUAN PERMOHONAN DI BAWAH SEKSYEN 20B AKTA 172**

Kertas perakuan permohonan di bawah Seksyen 20B, Akta 172 perlu disediakan oleh pemohon dan dikemukakan kepada urus setia Mesyuarat Jawatankuasa Kawal Selia MPFN. Kandungan kertas perakuan tersebut adalah seperti berikut:

### **i. TUJUAN**

### **ii. LATAR BELAKANG PROJEK**

- a) Profil pemilik dan pemaju
- b) Butiran pemajuan
- c) Lokasi tapak
- d) Keadaan topografi, kecerunan/kedalaman kontur
- e) Guna tanah sedia ada dan sekitar tapak cadangan
- f) Lain-lain yang berkaitan

### **iii. CADANGAN PEMAJUAN**

- a) Komponen pembangunan
- b) Cadangan fasa pembangunan (jika ada)

### **iv. KEMAJUAN PERMOHONAN**

- a) Perakuan MMKN/JPN (bagi permohonan dari Negeri) atau Jawatankuasa Peringkat Persekutuan (bagi permohonan dari Kementerian /Agensi Persekutuan)

**v. ASAS-ASAS PERTIMBANGAN**

- a) Tapak cadangan dalam konteks Rancangan Fizikal Negara (RFN)
- b) Tapak cadangan dalam konteks Rancangan Fizikal Zon Persisiran Pantai Negara (RFZPPN) / *Integrated Shoreline Management Plan* (ISMP) (jika berkaitan)
- c) Tapak cadangan dalam konteks Rancangan Struktur (RS)
- d) Tapak cadangan dalam konteks Rancangan Tempatan (RT)

**vi. IMPLIKASI PELAKSANAAN**

- a) Aspek fizikal
- b) Aspek ekonomi
- c) Aspek sosial (dirumuskan daripada Laporan SIA)
- d) Aspek alam sekitar

**vii. ULASAN DASAR DARI JABATAN TEKNIKAL BERKAITAN** (termasuk PLANMalaysia berkaitan impak sosial)

**viii. SYOR**

## **8.0 KESIMPULAN**

Panduan ini menjelaskan skop dan jenis cadangan pemajuan di bawah seksyen 20B Akta 172 yang perlu dirujuk ke MPFN. Prosedur bagi mengemukakan permohonan juga dimasukkan di dalam panduan ini. Dengan adanya panduan ini ianya dapat memastikan keseragaman dalam menguruskan permohonan yang berkaitan.